

K I S A H

PEJUANG KANSER



"BANGKIT & TERUS BERJUANG"

Anak muda kelahiran Terengganu, bersendirian merantau ke ibu kota demi menenuhi impian keluarga untuk melihat dirinya berjaya di puncak menara gading. Rosmadi Amin, 33 atau lebih dikenali sebagai Madi tenang membuka kembali lembaran lama bagaimana perjalanan hidup beliau sebagai seorang survivor kanser.

Menelusuri kehidupan sebagai pelajar semester tiga Ijazah Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem, Madi sering berhadapan dengan demam sepanjang satu semester. Demam tidak keba walaupun pelbagai usaha dilakukan. Akhirnya ujian darah diambil, membawa Madi ke Hospital Ampang dan disahkan kanser Hodgkin's Lymphoma, Tahap 2B.

Madi berulang-alik dari UPM ke Hospital Ampang hampir setiap hari untuk mendapatkan rawatan. Sakit yang ditanggung tidak pernah mematahkan usaha Madi untuk hadir ke kelas selagi termampu. Pada hujung semester, kesihatan semakin merosot, daya ingatan semakin terjejas dan akhirnya doktor menyarankan supaya beliau menangguhkan pengajian. Madi kemudiannya menukar bidang pengajiannya ke bidang Matematik atas saranan Allahyarham Prof. Radin Umar, Naib Canselor UPM ketika itu yang juga merupakan survivor kanser.

Madi perlu memaklumkan kepada setiap pensyarah tentang keadaan kesihatan dan kekangan yang beliau hadapi setiap semester baharu. Namun begitu, pengajian yang beliau impikan untuk memperoleh ijazah dalam bidang matematik tidak kesampaian. Sepanjang semester Madi lebih banyak memenuhi masa di hospital berbanding di kelas. Tempoh tersebut adalah waktu kritikal kerana Madi perlu menjalani rawatan kemoterapi yang kuat.

Akhirnya beliau terpaksa menangguhkan sekali lagi pengajian yang masih berbaki.

Sepanjang proses rawatan, Madi menumpang berteduh di Kolej 13, UPM. Semuanya atas ihsan dan jasa baik Allahyarham Prof. Radin Umar. Allahyarham juga berusaha memastikan Madi mendapatkan kemudahan pengangkutan untuk rawatan kanser di Hospital Ampang.

Dengan cabaran sebagai pesakit kanser serta tuntutan sebagai mahasiswa, Madi teruskan pengajian dalam bidang yang baharu iaitu Ijazah Pembangunan Manusia. Memandangkan usia Madi lebih 'senior' berbanding rakan sekelas, Madi berusaha untuk meningkatkan tempoh pengajian dari 4 tahun kepada 3 tahun.

Jika ada tugas secara berkumpulan, Madi lebih suka melakukan secara individu. Menyedari dirinya yang tidak selalu sihat dan tidak dapat berikan komitmen, maka ramai rakan sekelas tidak berminat untuk mengambil beliau sebagai ahli kumpulan. Madi tidak peduli, beliau selesaikan semua tugas tanpa sebarang alasan.

Jika perlu dilakukan secara berkumpulan, Madi akan pastikan untuk mendapatkan rakan sekumpulan yang betul-betul memahami keadaannya.

Jika rawatan kemoterapi pada sebelah pagi, di sebelah petang Madi terus bergegas berjumpa pensyarah untuk mengambil nota yang tertinggal sepanjang kuliah. Hari demi hari beliau semakin membiasakan diri untuk mengurus masa kuliah dan rawatan. Kedua-duanyanya harus ditempuhi. Alhamdulillah atas usaha gigih dan tidak pernah putus asa, pada tahun 2016, Madi berjaya mengenggam segulung ijazah yang menjadi kebanggaan ibu dan ayah.



Rosmadi Bin Mat Amin

"Saya akan memilih persekitaran positif yang dapat membantu saya mengharungi cabaran kanser"

"Jangan mudah putus asa terhadap segala rezeki yang diberikan kepada kita"

"Kita adalah pejuang, penyakit akan datang dan pergi, kita yang perlu kuat untuk mengendalikan sakit itu dan terus berjuang"

"Sakit ini banyak membawa saya kembali kepada agama, saya yakin Tuhan Maha Besar, Dia sahaja yang boleh tolong saya walaubagaimanapun keadaan diri saya"

"Bersikap jujur banyak membantu dalam memudahkan urusan saya"

Bilangan 5 • Disember 2022

Kasih Ibu Membawa ke Syurga, Kasih Ayah Sepanjang Masa

Keluarga menentang kuat apabila beliau ingin meneruskan rawatan kanser di hospital.

Hati mana yang tidak terusik apabila ibu tersayang menangis tidak memberi izin. Ibu risau Madi akan lumpuh. Dengan berat hati, Madi akur dengan permintaan ibu. Madi balik ke kampung menjalani semua rawatan yang disarankan keluarganya. Namun tiada perubahan yang positif.

Keluarga akhirnya akur dan sedar lalu mengizinkan Madi membuat rawatan hospital sebagaimana disarankan doktor.

Berbekalkan restu ibu ayah, bermulalah perjalanan rawatan Madi di hospital. Cabaran paling besar apabila selesai setiap sesi kemoterapi. Bersendirian di asrama, kesan rawatan memang menyeksakan. Pernah satu ketika, Madi terpaksa gunakan batang penyapu untuk menapak ke bilik air yang terletak jauh di luar bilik, duduk satu jam di dalam bilik air dan menahan sakit. Lebih memilukan apabila cuti semester, tiada rakan yang dapat membantunya untuk bergerak. Kafe yang terletak jauh dari bilik kediaman memaksa beliau membeli makanan hanya sekali sehari, bukan kerana hendak berjimat tapi untuk melangkah ke kafe sangatlah meletihkan. Sewaktu sesi kuliah Madi juga sering kali muntah, pengsan dan pernah dibawa oleh ambulans ke Pusat Kesihatan UPM untuk rawatan selanjutnya.

Rezeki Datangnya daripada Allah, Dia Maha Pemberi Rezeki.

Beban kewangan sentiasa menjadi cabaran bagi anak muda ini. Bagi menampung kehidupan, Madi pernah menjual nasi lemak di kolej. Pendapatan itu sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan setelah pinjaman pelajaran dihentikan kerana menanggungkan pengajian.

Rezeki Allah Maha Luas, ramai insan yang berhati mulia memberikan bantuan kewangan kepada Madi termasuklah Pusat Zakat, Hong Leong Bank, dan orang persendirian. Hasil bantuan yang diberikan membuatkan Madi dapat memberi tumpuan pada pembelajaran dan rawatan beliau.

Paling menyentuh hati, apabila rakan-rakannya dari MRSM Besut, sepakat mengumpul duit bagi merealisasikan salah satu hasrat Madi selepas diagnosis kanser untuk menunaikan umrah. Dengan izin Allah dan pelepasan doktor, pada tahun 2009 impian tersebut dapat dinikmati dengan penuh rasa syukur.

Allah Uji Tanda Dia Sayang

Semua orang tidak mampu memahami apa yang pesakit kanser alami, itu yang Madi rasa. Ada yang mengata "Alah kau pura-pura je demam". "Pedih mendengar kata-kata itu", luah Madi.

Dari situ Madi mula belajar untuk berada dalam persekitaran positif, terutama dalam berkawan. Yang mana dapat memahami, memberi sokongan dan selesa beliau akan berkawan dan yang mula bersifat negatif akan ditinggalkan perlahan-lahan.

Jiwa muda memang tidak lepas daripada rasa marah, kecewa, cemburu, tertekan dan sering tertanya kenapa dia dipilih oleh-Nya untuk diuji. Adakala Madi hatinya juga memberontak. Beliau juga menceritakan pengalaman lari dari hospital dan kunci bilik wad kerana tidak mahu jururawat masuk.

Masa berlalu, Madi semakin belajar



untuk terima hakikat penyakit ini, kerana bagi beliau penyakit adalah penyakit, ia datang dan pergi. Kita perlu kuat untuk mengendalinya dan menjadi lebih tenang serta redha dengan takdir Illahi.

Pelangi Indah Selepas Turunnya Hujan.

Kembali kepada agama, itulah yang menjadi pegangan Madi selepas

didiagnosis kanser. Setiap ujian yang dihadapi lebih mendekatkan diri dengan Pencipta. Beri'tikaf, menghadiri kuliah agama di masjid dan solat Dhuha sering menjadi rutin dalam mencari ketenangan. Segalanya disandarkan kembali kepada Allah.



Madi aktif dalam pelbagai aktiviti sukarelawan untuk membantu pesakit kanser yang lain. Madi merupakan mantan Ahli Jawatankuasa Persatuan Kanser KanWork. Beliau sering dijemput untuk berkongsi pengalaman kanser dalam program anjuran persatuan.

Madi turut berpesan, pesakit kanser perlu berusaha untuk mencari sokongan daripada orang yang positif kerana sokongan tidak hadir sendiri. Kanser juga mengajar untuk lebih menghargai ibu dan ayah. Setiap hari beliau akan menghubungi ibu yang dipanggil "mek" memohon doa yang dulu jarang sekali untuk Madi lakukan kerana telah terbiasa berjauhan dengan keluarga.

"Mek doalah kita supaya kita mudah urusan, sihat. Esok telefon pula cakap benda yang sama je".

Kanser Bukan Penghalang Kejayaan

Kini, Madi bertugas sebagai Pegawai Tadbir di RISDA. Dalam menjalankan tugas beliau berpegang pada prinsip:

- Jujur dengan penyakit yang kita ada kerana pengalaman itu kita sahaja yang ada.
- Ketika bertugas, tidak mahu dilihat lemah sebagai pesakit kanser walaupun perlu mencatat kesemua perkara dalam buku catatan kerana kesan kemoterapi menyebabkan beliau sering lupa.
- Perlu kuat dan tunjukkan yang kita lebih hebat daripada orang yang sihat. Jangan menjadikan kanser sebagai penghalang atau alasan dan sentiasa tingkatkan kualiti diri.